



Sultan Ibrahim, Anwar berjalan kaki sekitar Bukit Bintang

YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukan tinjauan di sekitar Jalan Bukit Bintang di ibu negara, semalam.

Menerusi hantaran di Facebook muat naik di

Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar memaklumkan, baginda bersama Perdana Menteri berjalan kaki menyusuri Jalan Bukit Bintang.

Terdahulu, Seri Paduka turut berkenan menerima mengadap Perdana Menteri untuk mesyuarat mingguan.

Anwar turut berkongsi aktiviti Sultan Ibrahim bersama beliau itu di akaun media sosial miliknya.

"Pagi tadi (semalam) sempat luang waktu bersama Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim beriadah santai sekitar Jalan Bukit Bintang di ibu negara usai

sesi menghadap Seri Paduka Baginda untuk mesyuarat mingguan," kata Anwar.

■ SULTAN Ibrahim bersama Anwar berjalan kaki di sekitar Bukit Bintang. Kuala Lumpur. - GAMBAR/FACEBOOK SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR